

NO. SOALAN : 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEENAM, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI

[PANDAN]

TARIKH : 7 MAC 2018 (RABU)

Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [Pandan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan terma dan syarat pinjaman dari Kerajaan Malaysia (melalui GovCo) sebanyak RM2.5 bilion kepada FIC Properties Sdn. Bhd. bagi tujuan pembiayaan pembelian 37% pegangan di dalam Eagle High Plantations (EHP).

163

JAWAPAN: YB DATUK SERI RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pinjaman sehingga RM2.5 bilion pada tahun 2017 oleh FIC Properties Sdn Bhd (FICP) iaitu sebuah syarikat *Special Purpose Vehicle* (SPV) 100% milik FELDA, daripada GOVCO Holdings Berhad (GOVCO) adalah bagi tujuan pelaksanaan pembelian pegangan 37% ekuiti dengan *Put Option* di dalam PT Eagle High Plantations Tbk (EHP). Berdasarkan kepada perjanjian yang telah ditandatangani, FICP perlu melaksanakan bayaran kembali prinsipal pada akhir tempoh pinjaman iaitu pada tahun ketujuh pinjaman. Kadar pulangan ditetapkan adalah pada 6% setahun mengambilkira kos pembiayaan oleh GOVCO dan pulangan kepada FICP/FELDA.

Sekian. Terima kasih.